

ISRILIIYYAT DALAM KITAB TAFSIR MELAYU “TAFSIR NUR AL-IHSAN”: SATU ANALISIS

Mazlan Ibrahim

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Islam merupakan agama yang syumul merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Sejajar dengan itu, al-Quran diturunkan sebagai kitabullah yang mempunyai panduan dan hidayah kepada seluruh umat manusia lengkap dengan segala isi kandungannya sama ada dari segi akidah, ibadah, perundangan, akhlak, sejarah dan sebagainya. Al-Quran dinukilkan secara mutawatir dan merupakan kitab yang sentiasa dipelihara isi kandungannya oleh Allah s.w.t daripada diseleweng oleh musuh Allah s.w.t. Namun begitu tidak dinafikan bahawa terdapat sesetengah para pentafsir dahulu atau masa kini memasukkan beberapa unsur-unsur Israiliyyat dalam pentafsiran mereka. Unsur-unsur ini banyak dikesan terutamanya dalam menggambarkan perihal cerita-cerita para nabi dan rasul. Faktor ini adalah antara penyebab berlakunya kelemahan dalam tafsir ma'thur. Justeru, penulisan ini akan cuba menganalisis kitab tafsir Melayu Tafsir Nur al-Ihsan yang merupakan kitab tafsir Melayu pertama ditafsirkan secara lengkap tiga puluh juzuk. Di samping itu kitab tersebut juga merupakan antara kitab-kitab tafsir berbahasa Melayu yang dipelajari di surau-surau serta masjid-masjid di Malaysia, dan selayaknya kitab ini diberi perhatian dan penumpuan bagi menilai sama ada ianya juga dipengaruhi oleh kisah-kisah Israiliyyat ataupun tidak. Semoga masyarakat yang cintakan al-Quran mampu mendalami tafsiran-tafsirannya tanpa terpengaruh dengan kisah-kisah Israiliyyat yang batil yang tidak berdasarkan kepada sanad yang sah.

PENGERTIAN ISRAILIYYAT

Perkataan Israiliyyat merupakan kalimah *jama'*, manakala kata *mufradnya* diambil daripada kata Israiliyyah yang membawa erti nisbah kepada *Bani Israil* (keturunan Israil). Perkataan Israil pada asalnya nama Nabi Allah s.w.t. Ya'qub yang membawa maksud *Abdullah* atau hamba Allah s.w.t. Bani Israil atau keturunan Israil ialah keturunan Nabi Ya'qub a.s. yang berkembang hingga kepada Nabi Musa a.s. dan seterusnya nabi-nabi yang datang silih berganti sehinggalah keturunannya yang terakhir iaitu Nabi Isa a.s.

Keturunan Nabi Ya'qub a.s. atau Bani Israil sejak beberapa zaman yang lalu dikenali dengan panggilan Yahudi. Keturunan yang beriman kepada Nabi Isa pula dikenali dengan nama Nasara atau *Nasrany*. Manakala yang beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w. pula dikenali dengan *Muslimi ahl al-Kitab* (Abu Syaybah, 1971:21).

Israiliyyat menurut istilah ahli tafsir ialah pengaruh serta budaya Yahudi yang menyerap masuk ke dalam agama Islam melalui tafsiran-tafsiran al-Quran yang banyak berlaku pada zaman permulaan Islam. Tetapi ulama' tafsir dan hadis juga menggunakan istilah Israiliyyat terhadap perkara-perkara yang lebih luas iaitu setiap sesuatu yang masuk ke dalam tafsir dan hadis yang terdiri daripada cerita lama yang diadakan dan dimasukkan ke dalam tafsir. Bahkan sesetengah ulama tafsir dan hadis menganggap Israiliyyat adalah setiap kisah yang dicipta dan disampaikan oleh musuh-musuh Islam ke dalam tafsir dengan tujuan untuk merosakkan kesucian Islam (Al-Zahabi 1986:12).

PENGENALAN KITAB *TAFSIR NUR AL- IHSAN*

Kitab tafsir ini merupakan kitab tafsir Melayu pertama yang sempurna tafsirannya sebanyak 30 juzuk. Kitab ini telah melalui beberapa siri cetakan berdasarkan permintaan yang tinggi daripada mereka yang ingin mendalami al-Quran berdasarkan tafsir Melayu. Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa kitab ini lebih mirip kepada kitab tafsir terjemahan berdasarkan kepada tafsiran-tafsiran yang terdapat didalamnya adalah sama sebagaimana tafsiran yang terdapat di dalam *al-Jalalain* ataupun *al-Qurtubi*. Apa yang jelas bagi penulis apa yang sama itu mungkin merupakan rujukan-rujukan beliau sebagaimana yang beliau telah nyatakan di permulaan kitab bahawa kitab ini beliau tulis berasaskan kepada rujukan-rujukan beliau terhadap kitab *Tafsir al-Jalalain*, *Tafsir al-Baidawi*, *Tafsir al-Jamal* dan beberapa kitab tafsir yang lain.

SEJARAH HIDUP PENGARANG KITAB *TAFSIR NUR AL-IHSAN*

Nama penuh pengarang kitab *Tafsir Nur Al-Ihsan* ialah Haji Muhammad Sa'id bin Umar Khatab bin Aminuddin bin Abdul Karim. Beliau dilahirkan pada tahun 1275 Hijrah bersamaan 1854 Masihi di Kampung Kuar, Jerlun di negeri Kedah Darul Aman. Beliau merupakan anak pertama daripada dua orang adik beradik. Adiknya bernama Haji Ismail. Bapanya digelar sebagai "Umar Khatab" disebabkan ketokohan beliau dalam memberi ucapan di khalayak ramai dan menyampaikan khutbah. Ketika hayatnya, itulah pekerjaan yang dilakukan sebagai satu sumbangan terhadap masyarakat dalam menegakkan syariat Islam.

Haji Muhammad Said berasal daripada negeri Kedah, namun demikian beliau telah menjelajah ke beberapa tempat sebelum beliau menetap dan meninggal dunia di negeri Kedah. Bapa beliau telah berpindah ke Cangkat di Keryan (Krian), Perak. Kemudian berpindah ke Sungai Acheh, dan akhirnya pulang semula ke Kedah pada tahun 1312 Hijrah.

Haji Muhammad Said telah mendapat pendidikan di Pattani dan Mekah. Penduduk tempatan memanggil beliau dengan pelbagai gelaran antaranya ialah ulama, 'Tok Lebai', 'Penulis' dan 'Guru Tafsir *Al-Quran*'. Panggilan yang tepat sekali untuk beliau ialah 'Guru Tafsir' kerana merujuk kepada sumbangannya yang begitu besar dilakukan oleh beliau iaitu dengan wujudnya *Tafsir Nur Ihsan* dalam Bahasa Melayu yang boleh didapati di kedai-kedai buku. Perkara utama yang mendorong penafsiran tersebut ialah permintaan daripada orang ramai yang datang belajar tentang tafsir dengannya. Tujuan utama tafsir dalam Bahasa Melayu adalah bagi mudah difahami oleh orang-orang Melayu khususnya. Kitab ini telah dicetak beberapa kali (Ismail Yusof, 1995: 123).

Ketika beliau berada di Cangkat, beliau telah berkahwin dengan isterinya yang pertama yang bernama Fatimah. Hasil daripada perkongsiannya dengan isterinya yang pertama ini, beliau telah dikurniakan tiga orang anak iaitu Haji Muhammad, Haji Mahmud dan Haji Ahmad. Isterinya telah meninggal dunia dalam usia yang muda. Kemudian beliau telah berkahwin pula dengan Hajah Rahmah dari Pulau Mertajam. Bersama dengan isterinya yang kedua, beliau telah dikurniakan lima orang anak iaitu Chik Man, Abdul Hamid, Haji Umar, Sufiah dan Fatimah. Isterinya yang ketiga ialah Hajah Hamidah dari Kampung Kedah (Perak). Bersama dengan isterinya yang ketiga ini, beliau telah dianugerahkan sepuluh orang anak iaitu Haji Mustaffa, Haji Qasim, Chik Hassan, Haji Mat Aqib,

Haji Hussein, Haji Mansur, Haji Nasir, Chik Maryam, Siti Hajar dan Chik Asma'. Penghijrahan beliau ke Kampung Kedah di Negeri Perak adalah disebabkan Kedah diserang oleh tentera Siam. Semasa berada di Kampung Kedah, beliau mengajar di pondok dan mengerjakan sawah.

Haji Muhammad Sa'id pernah dijemput supaya kembali semula ke Kedah melalui perwakilan yang diutuskan oleh Tengku Mahmud (Kerabat Diraja Kedah) dengan alasan kenapakah orang Kedah perlu menetap di Perak. Selepas itu beliau telah pulang ke Kedah dan telah diberikan sebidang tanah di Kancut yang terletak di Alor Setar. Beliau diberi jawatan sebagai guru diraja, iaitu mengajar anak-anak kerabat diraja. Di antara pelajaran yang diajar ialah tafsir.

Beliau kemudian dilantik sebagai *Qhadi* di Jitra dan terkenal dengan gelaran Haji Sa'id Mufti. Di Jitra, beliau juga tinggal dengan isterinya yang ketiga. Di samping jawatannya sebagai *Qhadi*, beliau juga menjalankan kegiatan menyebarkan risalah Islam dengan mengajar di masjid dan surau di sekitar Jitra (Ahmad Awang, 1995/96: 4).

Hasil Karya

Walaupun beliau dikelilingi oleh kesibukan, beliau masih mampu meluangkan masanya dalam di bidang penulisan. Beliau telah mengarang kitab *Nur Al-Ihsan* dan sebuah kitab fatwa yang bernama "*Fatwa Kedah*". Semangat beliau dalam bidang penulisan semakin kuat apabila mendapat galakan dari Sultan Kedah sendiri iaitu Sultan Abdul Hamid.

Kitab tafsir *Nur Al-Ihsan* dicetak pertama kalinya di Mekah. Selepas itu, dengan keizinan kerajaan negeri Kedah, ianya dicetak di Pulau Pinang. Karyanya yang kedua ialah kitab *Fatwa Kedah* yang mengandungi fatwa-fatwa berkaitan dengan nikah dan cerai. Kitab tersebut pada mulanya akan diserahkan kepada Imam. Namun demikian ianya masih berada di tangan kerajaan Negeri Kedah dan tidak dibenarkan mencetaknya (Ahmad Awang, 1995/96: 6).

Kembali Ke Rahmatullah

Dalam usianya 75 tahun, beliau masih lagi berkhidmat sebagai *Qhadi*. Pada masa itu, beliau menghadapi penyakit lumpuh sebelah badan. Kemudian beliau telah dibedah. Selepas itu beliau dibawa pulang ke pangkuan isterinya yang

kedua di Jitra. Setelah beberapa hari di sana, beliau kembali ke Kancut bersama dengan isterinya yang ketiga. Pada hari Rabu selepas Asar, 9 Mac 1932 beliau telah kembali ke Rahmatullah. Jenazah beliau telah disemadikan di masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah (Ahmad Awang, 1995/96: 8).

TAFSIR NUR IHSAN SATU ANALISIS

Sebagaimana dinyatakan di bahagian pengenalan bahawa sesungguhnya tafsir ini mendapat tempat bagi mereka yang ingin mendalami tafsir Al-Quran bukan sahaja di kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu malah ianya juga dipelajari oleh umat Islam di negara jiran seperti Thailand. Ini berdasarkan cetakan ketiga kitab ini yang diusahakan di Bangkok, Thailand.

Walaupun kitab ini mendapat perhatian yang meluas di kalangan masyarakat Melayu tetapi apabila dikaji dan dihalusi didapati pengarangnya masih tidak terlepas daripada menukulkan kisah-kisah Israilliyyat. Pada ayat-ayat tertentu kisah-kisah Israilliyyat tersebut diceritakan dengah meluas tanpa disertakan dengan komen atau kritikan terhadap setiap kisah tersebut. Perkara ini akan menyebabkan masyarakat Melayu akan terus berpegang kepada kisah-kisah tersebut dan menyangka ianya adalah sebahagian daripada tafsir al-Quran.

Di sini penulis akan cuba memaparkan sebahagian kisah-kisah Israilliyyat yang terdapat di dalam kitab *Nur Ihsan* sebagai panduan kepada para pembaca agar tidak terpengaruh dengan kisah-kisah tersebut. Apabila dibuat analisis didapati kitab ini begitu banyak menukulkan kisah-kisah Israilliyyat. Sebagai contoh pada juzuk ketiga ketika mentafsirkan ayat-ayat Surah *al-Kahfi* didapati kisah-kisah Israilliyyat tersebut dinukulkan tanpa sebarang komen dan kritikan bahkan tanpa sebarang riwayat. Ini dapat dilihat pada ayat 13, 16 dan 19 di mana penulis hanya memfokuskan kepada tafsiran pengarang pada ayat 13, Surah *al-Kahfi* sahaja bagi memendekkan perbahasan. Firman Allah s.w.t. bermaksud:

“Kami ceritakan kepadamu wahai Muhammad perihal mereka dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk”

Tafsirannya berdasarkan kitab *Nur Ihsan*:

“Kami cerita atas engkau ya Muhammad akan khabaran mereka itu dengan sebenar, bahawa mereka itu beberapa orang muda-muda yang beriman dengan tuhan mereka itu. Kata Ibn Abbas, tujuh orang Makslamina, Tamlikha, Marthunas, Nionunas, Sarobunas, Zununas, dan Falentionunas adalah merupakan seorang pengembala kambing. Nama anjing Qitmir. Khasiat segala nama-nama itu bagi sembilan perkara. Bagi Talib dan Harbi: Tuntut dan lari dan padam terbakar, disuruh pada perca kain lempar tengah api dan bagi menangis budak-budak dan bagi demam selang dan bagi sakit kepala diikat lengan kanan dan bagi Umm Sibyan: hantu pengusik budak-budak dan bagi berjalan pada darat dan laut dan bagi pelihara harta dan bagi bertambah akal dan bagi lepas orang yang berdosa. Kata setengah ulama ajar oleh kamu akan anak kamu ini segala nama-nama. Maka bahawasanya jika disuruh dipintu rumah tiada terbakar dan atas mata benda tiada kena curi dan atas perahu tiada karam. Adalah mereka itu orang besar-besar negeri Efsus dalam negeri Rom. Kemudian daripada Nabi Isa a.s. Tujuh orang dengan gembala kambing lapan dengan anjingnya. Tatkala zalim ahli Injil dan masuk kerja maksiat kafir hingga sembah berhala dan sembelih baginya. Dan ada dalam negeri itu orang yang berpegang dengan agama Isa, ibadah Allah s.w.t dan tauhidnya. Dan raja negeri kafir nama Dikyanus. suruh manusia sembah berhala dan sembelih baginya dan bunuh orang yang menyalahinya. Maka mashurlah orang yang tujuh itu pada raja disuruh panggil. Maka kata raja apa kerana kamu tiada mau ikut seperti orang-orang negeri sekarang kamu pilih amma masuk agama kami dan amma kena bunuh.”

(Haji Muhammad Said, 3: 56)

Secara keseluruhannya ayat yang diperbahaskan ini mempunyai banyak periwayatan yang berbeza-beza dan merupakan kisah yang begitu terkenal. Kisah *Ashabul Kahfi* ini merupakan salah satu kisah yang terdapat di dalam al-Qur'an supaya kita mengambil pengajaran daripadanya. Walaupun begitu kisah-kisah seperti ini sering berlaku penambahan jalan ceritanya yang hendak disampaikan sehinggakan perkara yang tidak dinyatakan menjadi tajuk penting perbincangan.

Walaupun begitu Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa kisah seperti ini tidak perlu diperdebatkan kerana ia adalah perkara ghaib yang mana hakikatnya hanya Allah s.w.t. sahaja yang lebih mengetahui.

Jika dirujuk kepada penafsiran kitab Tafsir *Nur Ihsan* terdapat penambahan dalam menyatakan nama-nama *Ashabul Kahfi* dan sebagai huraian dinyatakan pula bahawa terdapat sembilan khasiat yang boleh didapati daripada nama-nama tersebut.

Selain itu dijelaskan juga bahawa setengah ulama' menyuruh supaya diajar nama-nama ini kepada anak-anak dan jika ditulis di pintu rumah, rumah tersebut tidak akan terbakar begitu juga jika diletakkan di atas harta benda, benda tersebut tidak akan hilang dan jika diletakkan di dalam perahu, perahu tidak karam.

Kemudian diceritakan bahawa raja semasa peristiwa ini berlaku bernama *Dikyanus* yang mana merupakan seorang pemerintah yang zalim. Dia menyuruh rakyatnya menyembah patung berhala dan melakukan penyembelihan korban kepada patung-patung tersebut.

Segala huraian berkaitan ayat ini, jika dilihat pada definisi Israilliyyat yang menyatakan jika dalam penafsiran itu terdapat sebarang unsur-unsur luar yang boleh membawa kepada penambahan daripada fakta sebenar, maka penafsiran dalam ayat ini boleh dikategorikan antara yang mengandungi unsur-unsur Israilliyyat. Oleh itu unsur Israilliyyat dalam ayat ini mesti diberi penjelasan secara jelas untuk memastikan tidak berlaku kekeliruan fakta.

Dalam hal ini, Syed Qutub menegaskan bahawa para penghuni gua itu adalah terdiri daripada sekumpulan pemuda yang tidak diketahui bilangan mereka. Ini bermakna telah berlaku penambahan terhadap fakta tersebut yang mana al-Quran sendiri tidak menyebut mengenai nama-nama mereka dan bilangannya. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa semua itu adalah rekaan dan tambahan dalam melengkapkan sesebuah kisah. Selain itu jika kita merujuk kepada ayat 22 Surah *al-Kahfi* jelas menunjukkan bahawa hanya Allah s.w.t. sahaja yang lebih mengetahui bilangan mereka yang sebenar dan adapun apa yang diketahui oleh sebahagian kecil daripada umatnya adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan kisah tersebut secara umum kerana seandainya yang dimaksudkan di sini ialah bilangannya nescaya Allah s.w.t. Akan menyambungkan pengetahuannya tersebut dengan pengetahuan sebahagian daripada umatnya tersebut dengan huruf *Ataf*.

Tetapi apa yang didatangkan adalah sebaliknya, dan Allah s.w.t juga melarang daripada berdebat mengenainya. Firman Allah s.w.t:

“(Sebahagian dari) mereka akan berkata: “Bilangan Ashabul Kahfi itu tiga orang, yang keempatnya ialah anjing mereka, dan setengahnya pula berkata, bilangan mereka lima orang, yang keenamnya ialah anjing mereka. Secara meraba-raba dalam gelap akan sesuatu yang tidak diketahui dan setengahnya yang lain berkata bilangan mereka tujuh orang, dan yang kelapannya ialah anjing mereka. Katakanlah (wahai Muhammad) “tuhanku lebih mengetahui akan bilangan mereka, tiada yang mengetahui bilangannya melainkan sedikit.” Oleh itu, janganlah engkau berdebat dengan sesiapa pun mengenai mereka melainkan dengan bahasan (secara sederhana) yang nyata (keterangannya didalam al-Quran) dan janganlah engkau meminta penjelasan mengenai hal mereka kepada seseorang pun dari golongan (yang membincangkan).”

(Surah Al-Kahfi 18:22)

Berdasarkan keterangan ayat ini, perdebatan di kalangan ahli kitab mengenai bilangan *Ashabul Kahfi* tidak memberi apa-apa faedah. Ini kerana bilangan mereka yang sebenar terserah kepada Allah s.w.t. dan hakikat mereka yang sebenar berada di dalam ilmu Allah s.w.t. dan di dalam pengetahuan segelintir manusia yang meneliti sesuatu peristiwa untuk memastikan kesahihan periwayatan tersebut (Syed Qutub, 1971: 381). Walaupun bilangan *Ashabul Kahfi* tidak diketahui, namun pengajaran daripada kisah mereka tetap diperolehi. Oleh sebab itulah Allah s.w.t. memerintahkan supaya Rasulullah s.a.w. meninggalkan perdebatan mengenai bilangan dan kedudukan penghuni gua tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa kebenaran dan kesohihan kisah tersebut tetap kekal seperti asalnya tanpa ditokok tambah dengan cerita-cerita asing. Malah kisah *Ashabul Kahfi* ini telah diklasifikasikan dalam perkara-perkara ghaib dan ianya diserahkan kepada ilmu Allah s.w.t. sahaja.

Dengan merujuk kepada apa yang diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Ibn Abbas yang menyatakan “aku dari kalangan yang sedikit”. Dalam hal ini, Ibn Abbas menyatakan nama-nama *Ashabul Kahfi* dan anjing yang bernama *Qitmir* sebagai bukti bahawa beliau merupakan dari kalangan yang sedikit yang mengetahui mengenai kisah tersebut. Walaupun riwayat ini jelas mengemukakan

nama *Ashabul Kahfi* namun kesahihan riwayat ini memerlukan kepada bukti lain untuk menguatkannya kerana terdapat riwayat lain yang mengatakan bahwa anjing tersebut bernama *Himran* sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Kathir dari Syu'aib al-Jaba'ie. Ibn Kathir selepas menyatakan hal tersebut menyebut bahawa nama pemuda-pemuda dan anjing tersebut perlu kepada penelitian dan penilaian dari segi kesahihannya kerana kebiasaannya perkara tersebut adalah diambil dari kalangan Ahli Kitab (Ibn Kathir, 1992: 3:88).

Al-Quran sendiri tidak menjelaskan peristiwa tersebut dengan sebegitu meluas, cuma sekadar menceritakan sebagai pedoman untuk dijadikan iktibar. Malah Allah s.w.t. telah menegaskan bahawa cerita *Ashabul Kahfi* ini hanyalah sebahagian kecil daripada perkara ghaib. Ini kerana terdapat perkara lain yang lebih besar seperti kejadian alam ini dan segala makhluk ciptaan Allah s.w.t. Walaupun begitu, kenyataan ini tidak dinyatakan periwatannya secara jelas, cuma dinyatakan dengan lafaz “**لَعْنَى**” (Abu Hayyan, 1993: 107).

Justeru dapat dijelaskan nama bagi bandar yang dinyatakan ini juga adalah salah satu unsur luar yang dimasukkan secara tidak jelas. Ini kerana kisah *Ashabul Kahfi* ini sebagaimana dinyatakan oleh Syed Qutub (1971:377) adalah satu kisah yang diceritakan turun temurun, di mana timbul berbagai pendapat yang bercanggah mengenai hakikat sebenar kehidupan mereka. Oleh sebab itu sesuatu kisah itu tidak dapat diterima secara sah sepenuhnya kerana ia tidak dinafikan mengandungi unsur penambahan supaya lebih menarik.

Ibn Kathir sendiri tidak dapat menyatakan kesahihan kisah ini, bahkan beliau juga mendatangkan persoalan tentang kedudukan sebenar gua al-Kahf tersebut dengan mengemukakan nama-nama tempat sebagaimana yang dinukilkan oleh sebahagian ahli tafsir. Seterusnya beliau menyatakan seandainya terdapat *masalah* keagamaan dengan mengetahui tempat-tempat tersebut nescaya Allah s.w.t. RasulNya telah memaklumkan tentangnya, sebagaimana sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: “*Tidak aku tinggalkan sesuatu kepada kamu yang dapat membantu kamu memasuki Syurga dan menjauhkan kamu dari Neraka melainkan semuanya aku khabarkan*”. Dan Allah s.w.t. telah mengkhabarkan sifat-sifatnya tetapi Allah s.w.t. tidak memaklumkan kepada kita tentang tempatnya (Ibn Kathir, 1992. 3: 85).

Seterusnya kita dapati bagaimana pengarang tafsir ini begitu meluas dalam menukilkan kisah-kisah Israiliyyat sebagaimana yang terdapat di dalam kisah Nabi Nuh a.s. di dalam Surah Hud ayat 37.

“Dan buatlah bahtera itu dengan pengawasan dan petunjuk kami, dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim itu; sesungguhnya mereka itu akan ditenggelam”

Tafsiran Kitab *Nur Al-Ihsan*:

“Dan perbuat Nuh akan bahtera daripada kayu jati ditanamnya 100 tahun kemudian dipotong perbuat bahtera itu 100 tahun. Panjang 300 hasta lebar 50 hasta, tinggi 30 hasta, tiga lapisan maka binatang yang liar dan buas dilapisan bawah, binatang kambing dan binatang ternakan di lapisan tengah, Adam dengan anaknya di atas sekali, telah didahului 40 lelaki dan 40 perempuan, maka tatkala banyaknya tabi-tabi binatang diwahyukan Allah s.w.t. kepada Nuh bahawa menyentak ekor gajah maka jatuh daripadanya babi jantan dan betina dan sapu di atas babi betina keluarlah tikus yang makan tabi-tabi binatang itu. Dan tatkala binasa tikus akan tali-tali bahtera maka diwahyu disuruh pukul unta dua mata harimau maka keluar daripada lubang hidungnya kucing jantan dan betina maka makan akan tikus itu :

بجمع أ فداو .

(Haji Muhammad Said, 1391: 213-214)

Berdasarkan kepada penelitian beberapa kitab tafsir muktabar, kitab-kitab tersebut tidak mengisahkan kisah-kisah seperti ayat-ayat di atas. Kebanyakan kitab-kitab tafsir muktabar menceritakan tentang sifat-sifat kapal, wahyu Allah s.w.t. kepada Nabi Nuh untuk membuat kapal dan kandungan serta penghuni kapal tersebut. Ini jelas kitab tafsir *Nur Al-Ihsan* menokok tambah cerita-cerita yang tiada sumber asas daripada kitab-kitab yang muktabar (Al-Baghawi, 1985: 3:207) mengatakan bahawa panjang kapal tersebut adalah 300 hasta, lebarnya 50 hasta, tingginya 30 hasta. Daripada Hassan berkata: “Panjang kapal tersebut 600 hasta dan lebarnya 300 hasta.” Perkhilafan di dalam sifat kapal tersebut bukanlah salah satu daripada kisah Israiliyyat. Ia hanyalah perselisihan pendapat semata-mata tanpa mengubah maksud sebenar ayat (Al-Suyuti, 1990. 3:591-592).

Terapi yang menjadi pokok pangkal yang mengandungi cerita-cerita Israiliyyat ialah kandungan dan muatan kapal tersebut. Kitab tafsir *Nur Al-Ihsan* menyatakan bahawa kapal tersebut mempunyai tiga lapisan di mana binatang buas dan liar di lapisan bawah, binatang seperti kambing dan ternakan adalah di lapisan tengah, dan Nabi Adam bersama-sama anaknya dengan 40 lelaki dan 40 orang perempuan adalah di lapisan atas. Selain itu di dalam tafsir *Nur Al-Ihsan* diceritakan juga tentang kejadian binatang, contohnya kejadian tikus yang lahir daripada babi betina dan lahirnya kucing jantan dan betina daripada lubang hidung harimau.

Kebanyakan kitab-kitab tafsir muktabar hanya menceritakan muatan kapal secara umum sahaja dan tidak diceritakan langsung berkaitan kejadian binatang. Contohnya kitab tafsir *Ibn Kathir* menyatakan bahawa lapisan tersebut di mana lapisan bawah adalah binatang buas dan liar, lapisan tengah adalah manusia dan yang lapisan paling atas adalah burung. Jelas di sini, kejadian binatang mengikut ayat ini adalah terang lagi bersuluh ianya daripada bangsa Israil (Ibn Kathir, 1993: 2:444).

Begitu juga pada ayat Ayat 42, surah yang sama pengarang sekali lagi nampaknya tanpa segan silu menukikkan kisah-kisah Israiliyyat tersebut dengan tidak memberi apa-apa kritikan yang menyebabkan pembaca akan keliru bahawa ini merupakan cerita atau tafsiran kepada ayat-ayat tersebut. Sebagaimana tafsirannya ketika mentafsirkan ayat:

بَكَرَ اِيْرِبِيْلٍ لِّرَمْحِ يَفِ نَكْوٍ وَنُبِ اِحْوٰى دَلْوٍ لِّلْبَلْحٰكِ جَوْمِ يَفِ مَبِ يْرِجْتِ يٰ هُو
رِيْرِفَاكِلِ اَعْمَرْتِكْتِ لُو لِنَعْمِ

“Dan bahtera itu membawa mereka dalam gelombang laksana gunung. Dan Nuh memanggil anaknya sedangkan anak itu berada di tempat yang jauh terpencil: Hai anakku naiklah ke kapal bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir.”

Tafsiran Kitab *Nur Al-Ihsan*:

“Dan ia berjalan dengan mereka itu pada dalam ombak laut seperti bukit pada besarnya dan tingginya. Diturunkan Allah s.w.t. hujan dari langit empat puluh hari dan malam dan keluar air dari bumi hingga tenggelam dan bukit yang tinggi lima belas hasta. Sabda Nabi jika Allah s.w.t Taala mengasihi seorang kaum

Nuh nescaya dikasihi seorang perempuan bawa anaknya naik bukit tatkala banyak air kerana sangat kasih pada anaknya maka sampai air naik lagi hingga hapus bukit lalu dijulang anaknya, ia tenggelam hingga dibawa air keduanya. Dan dipanggil oleh Nuh akan anaknya namanya Kan'an dan adalah ia asing daripada bahtera: Hai anakku naiklah bahtera sertai kami dalam bahtera ini dan jangan engkau sertai dengan kafir-kafir yang binasa itu.

(Haji Muhammad Said, 1391:215)

Secara amnya, ayat ini menceritakan keadaan bahtera yang belayar dan kisah anak Nabi Nuh iaitu Kan'an yang tidak mahu menurut panggilan ayahnya untuk menaiki bahtera. Kan'an mengambil keputusan untuk menyelamatkan diri dengan menaiki gunung dengan sangkaan bahawa beliau akan selamat apabila berada di atas gunung tersebut.

Tafsir *Nur Al Ihsan* ini didapati mengadakan beberapa penambahan dari segi jangka masa turunnya hujan iaitu 40 hari 40 malam sedangkan dalam kitab tafsir yang muktabar Allah s.w.t. memerintahkan kepada langit supaya menurunkan hujan dan bumi mengeluarkan air dari perutnya tanpa terikat dengan jangka masa tertentu. Jelas di sini *Tafsir Nur Al Ihsan* telah menambah jangka masa tersebut (Al-Suyuti, 1990: 3:603).

Selain itu, tafsir *Nur Al-Ihsan* telah memasukkan hadis nabi tentang sifat penyayang Allah s.w.t. kepada sesuatu kaum dibanding dengan sifat penyayang seorang ibu kepada anaknya dalam situasi banjir, di mana untuk menyelamatkan anaknya dia telah mendaki gunung untuk mengelakkan daripada banjir. Hadis ini tiada sandaran dan tiada perawi yang meriwayatkan di dalam kitab-kitab yang muktabar (Al-Shaukani, 1991, 2:566). Begitu juga didapati pada tafsiran surah yang sama ayat 44:

“Dan difirmankan: Hai bumi telanlah airmu, dan hai langit (hujan) berhentilah, dan air pun disurutkan, perintah pun diselesaikan dan bahtera itupun berlabuh di atas Bukit Judi, dan dikatakan binasalah orang-orang yang zalim.”

Tafsiran Kitab *Nur Al-Ihsan*:

“Nabi Nuh naik bahtera pada 10 Rejab dan berjalan bahtera 6 bulan dan lalu dengan Baitul Haram, maka tawaf 6,7 keliling tetap di atas Bukit Judi pada 10 Muharam puasa Nuh dan orang yang bersamanya bersyukur kepada Allah s.w.t. di atas keselamatan mereka dan binasa orang-orang kafir dan dunia satu kampung nama Qoryah Samanin, kampung delapan puluh, maka tatkala hendak mengetahui Nuh akan khabaran bumi, disuruh gagak jumpa bangkai turun di atasnya Nuh, kemudian merpati terbang ke sebelah Saba` jumpa daun zaitun dibawa kepada Nuh, ketahuilah bumi masih belum timbul. Kemudian disuruh terbang sampai Tanah Haram Mekah, tiba-tiba Kaabah telah timbul tanahnya merah maka dicelup kedua kakinya datang kepada Nuh serta kata kesukaan saya daripada Tuan hamba beri leher baju di tengkuk hamba dan inai di kaki hamba dan hamba duduk di Tanah Haram, Maka Sapu Nuh atas tengkuknya dan merah pada kakinya serta doa baginya berkat. Dan dikata binasalah kaum yang kafir.”

(Haji Muhammad Said, 1391: 215-216)

Pada keseluruhannya, ayat ini menjelaskan tentang suruhan Allah s.w.t. kepada hujan daripada berhenti daripada mengeluarkan air yang mengakibatkan banjir yang besar. Di dalam kitab *Tafsir Nur Al-Ihsan* telah menambahkan kisah *Israiliyyat* iaitu dalam memastikan keadaan banjir yang telah surut dengan menghantar burung ke Saba` dan ke Tanah Haram Mekah. Burung itu telah terbang ke Saba` dan membawa alamat kepada Nabi Nuh dengan daun zaitun bahawa bumi di tanah Saba` masih mengalami banjir. Kemudian burung itu diarah ke Tanah Haram Mekah untuk memastikan sama ada banjir di sana telah surut atau belum. Burung itu telah mencelup kakinya di dalam tanah bagi menunjukkan bahawa banjir telah surut di sana. Jelas di sini, kisah ini adalah kisah *Israiliyyat* kerana di dalam kitab tafsir muktabar tidak menceritakan kisah ini (Al-Zamahshari, tt. 2:217).

Kitab tafsir muktabar hanya menceritakan perjalanan bahtera Nabi Nuh semasa banjir. Walau bagaimanapun, di dalam kitab tafsir tersebut terdapat khilaf di

dalam perjalanan bahtera mereka. Contohnya di dalam kitab tafsir *Ibn Kathir* yang menyatakan bahawa mengikut riwayat kapal Nabi Nuh belayar selama 150 hari. Apabila sampai di Mekah, kapal tersebut telah tawaf di Mekah selama 40 hari. Namun tidak diceritakan berapakah pusingan tawaf tersebut (Ibn Kathir, 1993.2.491), dan kebanyakan riwayat yang dinukilkan oleh Ibn Kathir tentang kisah Nabi Nuh ini kebanyakannya adalah daripada riwayat Kaab al-Ahbar.

Muhammad Abu Shahbah mengatakan sesungguhnya persoalan kapal Nabi Nuh berlabuh di atas bukit Judi pada hari Asyura dan Nabi Nuh juga berpuasa pada hari tersebut serta mengarahkan sesiapa sahaja yang bersama dengan beliau begitu juga dari binatang buas dan binatang ternakan agar berpuasa sebagai mengucapkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. dan apa yang seumpama dengannya sebagaimana yang terdapat di dalam tafsir seperti *Tafsir Dur Manthur* dan *Tafsir Ibn Jarir* adalah unsur-unsur penambahan dan juga riwayat-riwayat batil yang tiada langsung kaitannya dengan Islam (Muhammad Abu Shahbah, 1404: 218).

Seterusnya pada tafsiran ayat 58 Surah *Hud*.

ظَلِّغْ بَا ذَعْنَم م ه لِيْحِن و

“Dan Kami selamatkan pula mereka (di akhirat) dari azab yang berat.”

Tafsiran Kitab *Nur Al-Ihsan*:

“Dan kami lepas akan mereka daripada azab yang sangat berat atau kasar iaitu ribut tujuh malam, bermula pada hari Rabu bersamaan 22 Syawal masuk lubang hidung keluar ikut dubur, kemudian diangkat ke udara maka jatuh di bumi serta putus sendi-sendinya.”

(Haji Muhammad Said, 1391: 219)

Di dalam ayat ini Allah s.w.t. telah memberi jaminan menyelamatkan Nabi Hud dan orang-orang yang beriman daripada azab yang berat lagi pedih di hari akhirat. Namun mengikut tafsiran *Nur Al-Ihsan* seolah-olah Allah s.w.t. telah menyelamatkan mereka daripada azab di dunia dengan ditentukan masa dan waktunya iaitu pada hari Rabu 22 Syawal akan berlakunya satu ribut yang besar selama tujuh malam, sedangkan semua ini tidak disandarkan kepada dalil-dalil serta hujah yang sah.

Selain itu, tafsir *Nur Al-Ihsan* juga telah menjelaskan bahawa sifat azab yang dikenakan ke atas orang yang ingkar dan menentang Nabi Hud iaitu azab yang berupa ribut yang memasuki ke dalam lubang hidung mereka dan keluar mengikut lubang dubur, kemudian diangkat ke udara, akhirnya jatuh ke bumi di mana putus segala sendi-sendinya. Bentuk seksaan ini juga tidak berasas dan tiada sumber yang jelas. Azab ini menggambarkan azab di dunia sedangkan maksud ayat yang sebenar dilepaskan mereka daripada azab diakhirat. Ini jelas *Tafsir Nur Al-Ihsan* telah menukulkan riwayat Israiliyyat tanpa mendatangkan apa-apa kritikan atau komen berkaitan dengan kisah yang dinukulkannya. Di sebaliknya kitab tafsir muktabar tidak menceritakan tentang sifat dan bentuk azab di akhirat itu dalam bentuk yang terperinci tentang sifat-sifat azab tersebut.

Begitu juga didapati apabila beliau mentafsirkan Surah *Hud* ayat 65, tentang kisah Nabi Saleh.

ب و لكم ريغ دعواكى ذ

“Itu adalah janji yang tidak dapat didustakan.”

Tafsiran Kitab *Nur Al-Ihsan*:

“Bermula demikian itu adalah janji yang tiada dusta, alamat azab hari yang pertama iaitu pagi hari Rabu, muka kamu kuning, pagi Khamis muka kamu akan menjadi warna merah, kemudian pada hari Jumaat muka kamu menjadi warna hitam, kemudian hari Sabtu akan datang azab kepada kamu pada waktu subuh.”

(Haji Muhammad Said, 1391: 220)

Secara umumnya ayat ini mengisahkan bahawa janji atau balasan yang Allah s.w.t. turunkan kepada mereka yang membunuh unta yang dilarang oleh Nabi Saleh. Mengikut tafsiran kitab tafsir *Nur Al-Ihsan*, balasan yang dikenakan kepada golongan ini ialah wajah mereka bertukar warna mengikut hari-hari tertentu iaitu pada hari Rabu muka mereka akan bertukar menjadi warna kuning, kemudian apabila datangnya hari Khamis, wajah mereka bertukar lagi menjadi warna merah, kemudian hari Jumaat, muka mereka menjadi warna hitam, akhirnya apabila masuknya waktu subuh pada hari Sabtu, mereka akan dikenakan azab yang pedih. Kitab tafsir muktabar tidak menceritakan tentang sifat dan bentuk azab di akhirat itu dalam bentuk yang terperinci tentang sifat-sifat azab tersebut.

Di dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar tidak menceritakan kisah ini sebagai balasan kepada mereka yang ingkar dengan suruhan Nabi Saleh. Kitab tafsir muktabar. Contohnya dalam kitab *Al-Sobuni* mengatakan bahawa azab itu adalah janji yang pasti dan benar serta tiada pendustaan padanya. Begitu juga dalam kitab-kitab tafsir yang lain seperti kitab tafsir *Ibn Kathir*, *As-Suyuti*, *Ash-Shaukani* dan *al-Qasimi*, *Al-Zamakhshari* turut menyatakan sedemikian rupa. Kitab-kitab ini tidak menceritakan secara terperinci tentang azab dan balasan Allah s.w.t. seperti gambaran wajah bagi balasan Allah s.w.t.

KESIMPULAN

Segala apa yang didatangkan di sini dari kisah-kisah Israiliyyat yang terdapat di dalam kitab tafsir *Nur Ihsan* bukanlah dihitung dari sudut bilangan riwayat *Israiliyyat* yang terdapat di dalam kitab tafsir tersebut, kerana sekiranya dihitung dari setiap kisah bermula dari Surah *al-Fatihah* sehingga akhir Surah *an-Nas* sememangnya memerlukan satu tulisan khusus, apa yang didatangkan dalam tulisan ini ialah sebahagian kecil dari riwayat-riwayat Israiliyyat yang terdapat di dalam kitab tafsir Melayu *Tafsir Nur Ihsan* sebagai satu sumbangan ilmiah dan juga sebagai pedoman kepada masyarakat Melayu supaya mereka berhati-hati apabila mereka meneliti dan membaca tafsiran-tafsiran Melayu khususnya *Tafsir Nur Ihsan* agar mereka tidak segera menerima cerita-cerita yang terdapat didalamnya sebagai satu tafsiran yang benar dan tepat sebagai penjelasan kepada ayat-ayat yang dibaca tersebut.

Oleh kerana tafsiran yang terdapat didalamnya adalah merupakan tafsiran yang dinukilkan dari kitab-kitab tafsir Arab sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, dan pengarang kitab tafsir ini juga ketika mana menukilkan tafsiran-tafsiran tersebut tidak mentakhrijkan semua riwayat yang dinukilkan menyebabkan ianya terjerumus sama dalam menukilkan riwayat-riwayat Israiliyyat tersebut. Sememangnya pujian patut diberikan kepada penulis dalam usaha beliau menghasilkan kitab tafsir Melayu sebagai satu sumber alternatif bagi umat Islam di Malaysia memahami tafsiran ayat-ayat al-Quran, cuma apa yang perlu bagi mereka ialah agar tidak menerima riwayat-riwayat Israiliyyat tersebut sebagai sebahagian daripada tafsir semoga kesucian dan kemurnian al-Quran dan tafsirannya sentiasa terpelihara.

BIBLIOGRAFI

- Abu Hayyan al-Andalusi Muhammad bin Yusof. (1993). *Al-Bahr al-Muhidat*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Ibn Kathir, Ismail bin Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqi. (1970). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut : Dar al-Fikr.
- _____. (1993). *Tafsir Al-Quran Al-Karim*. Dar Al-Hadith:Qahirah.
- Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. t.th. *Al-Jami’ al-Ahkam al-Qur’an*. Kaherah : Dar al-Bayan Lil-Alturath.
- Rozali Adam. (1985). *Al-Qur’an di antara tafsir dan israiliyyat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Qutub. (1971). *Fi zilal al-Qur’an*. Beirut : Dar al-Turath al-‘Arabi .
- Al-Tabari, Abi Ja’far Muhammad bin Jarir. (1980). *Jami’ al-Bayan fi Tafsir al-Qur’an*. Beirut : Dar al-Ma’rifah.
- Ahmad Awang. (1995/96). *Tahqiq Dan Menulis Semula Surah An-Naba’ Hingga Surah Al-Fajr*. Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Baghawi, Abi Mohd Al-Hussein b. Mas’ud Al-Fara’ Al-Baghawi. (1985). *Ma’alim Al-Taizil fi al-tafsir wa al-Ta’wil*. Dar al-Fikr.
- Al-Shaukani, Mohd b. Ali b. Muhammad. (1991). *Fath al-Qadar (al-Jami Baina Fanni al-Riwayah Wa Al-Dirawah Min Ilm Al-Tafsir*. Dar Al-Khair.
- Al-Sobuni, Mohd Ali Al-Sobuni. (1986). *Sofwah Al-Tafsir*. Dar Al-Qalam
- Al-Sobuni, Mohd Ali Al-Sobuni. (1986). *Sofwah Al-Tafsir..* Dar Al-Qalam
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd Rahman b. Abi Bakr Al-Suyuti. (1990). *Al-Darar Manthur Fi Al-Tafsir Al-Ma’tthur*. Dar Al-Kitab Al-Ilmiah: Beirut.

Al-Qasimi, Mohd Jamaluddin Al-Qasimi. t.th. *Tafsir Al-Qasimi*. Dar Al-Ihya' AL-Kitab Al-Aarabiyah.

Al-Zamakhshari, Abi Al-Qasim Jar Allah s.w.t Mahmuh b. Umar. t.th. *Al-Khashaf*. Dar Al-Makrifah: Beirut.

Ismail Yusoff. (1995). *Jurnal Pengajaran Islam*. Jilid 16, Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.

Abu Shahbah Muhammad b. Muhammad. (1408H). *Al-Israiliyat Wa Al-Mauduat Fi Kutub Al-Tafsir*. Maktabah Al-Sunnah.